



KENYATAAN MEDIA

PERKESO KESAL DENGAN BERITA MALYSIAKINI YANG TIDAK TEPAT

DAN MENGELIRUKAN ORANG RAMAI

KUALA LUMPUR – Merujuk kepada berita dari portal Malaysiakini bertajuk ‘SPRM angkut 40 pekerja Kementerian Sumber Manusia, Perkeso – sumber’ yang disiarkan hari ini, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) ingin menegaskan rasa kesal kami terhadap berita yang tidak benar dan telah menjejaskan nama baik PERKESO.

PERKESO berasa amat kecewa kerana tidak dihubungi terlebih dahulu untuk mengesahkan fakta sebelum berita tersebut disiarkan.

Walaupun Malaysiakini telah membetulkan fakta dalam berita tersebut kemudiannya, namun berita awal yang disiarkan oleh Malaysiakini yang menyatakan pekerja PERKESO terlibat dalam penahanan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) dalam Ops Hire berkaitan penyelewengan tuntutan PenjanaKerjaya, telah pun tular menerusi pelbagai platform media sosial seperti Whatsapp dan lain-lain.

Malahan, berita tersebut turut menjadi sumber berita oleh beberapa pihak media yang lain pula. Ini tentunya menjejaskan reputasi PERKESO, yang sentiasa mendukung tinggi nilai-nilai integriti dalam melaksanakan amanah yang digalas untuk membantu golongan sasaran yang memerlukan.

PERKESO mengambil serius akan kepercayaan Kerajaan dan Rakyat kepada organisasi ini untuk mengagihkan dana yang besar dalam membantu majikan dan pekerja yang terkesan akibat penularan COVID-19 di bawah Program PenjanaKerjaya. Justeru, kami memandang serius dan amat khatir dengan laporan berita yang memetik sumber yang tidak sah dan kredibel, yang nyata bercanggah dengan etikaewartawanan. Sehubungan itu, pihak PERKESO berharap portal Malaysiakini dapat memperbetulkan situasi negatif yang telah mereka timbulkan hasil daripada penyebaran maklumat tidak benar yang telah mereka lakukan.

IZAD HJ RAYA
Ketua Pegawai Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

18 Julai 2022